

HUBUNGAN TAHAP KEFAHAMAN MASYARAKAT TERHADAP SUMBANGAN WAKAF DENGAN KEPERCAYAAN TERHADAP INSTITUSI PENGURUSAN WAKAF DI MALAYSIA

Suraini Saufi¹ Nurul Akma Mohamed² Mujiburrahman Saleh¹ Hamidi
Abdul Ghani² & Sabree Noor³

¹Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

²Department of Syariah, Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

³Research Assistant (RA), Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

Corresponding Author: Suraini Saufi,¹ Head of Department of Muamalat, Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.
Email: suraini@kias.edu.my

Abstrak

Majoriti masyarakat Islam pada hari ini melihat dimensi wakaf dalam sudut yang sangat terhad kepada amalan keagamaan semata-mata. Keadaan ini tidak menghalang berlakunya peningkatan dalam amalan berwakaf seperti wakaf tanah, wakaf tunai, hotel wakaf, saham wakaf, hospital wakaf dan universiti wakaf. Walau bagaimanapun ekonomi umat Islam di Malaysia masih lagi tidak mencapai tahap yang membanggakan. Isu kepercayaan masyarakat terhadap institusi agama seperti institusi pengurusan wakaf masih lagi diperdebatkan. Sehubungan dengan itu, tahap kefahaman masyarakat terhadap definisi waqaf serta hubungannya dengan kepercayaan terhadap institusi pengurusan waqaf perlu dikaji. Metodologi kajian yang digunakan adalah berdasarkan kaedah kuantitatif berbentuk deskriptif dan regresi. Borang soal selidik telah diedarkan di kalangan masyarakat Malaysia di mana sebanyak 500 data telah diperolehi dan dianalisa. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kefahaman masyarakat terhadap konsep waqaf berada di tahap tinggi dengan nilai min = 4.07 dan sisihan piawai = 0.915. Kajian juga mendapati terdapat pengaruh hubungan yang signifikan antara kefahaman masyarakat terhadap definisi wakaf dengan kepercayaan terhadap organisasi pengurusan wakaf. Dapatan daripada kajian ini boleh menjadi rujukan ramai pihak dalam membantu meningkatkan lagi kredibiliti, imej dan pembangunan institusi wakaf pada masa hadapan.

Kata kunci: Definisi, Waqaf, Kepercayaan

RELATIONSHIP BETWEEN THE LEVEL OF COMMUNITY UNDERSTANDING OF WAKAF CONTRIBUTION AND BELIEF IN WAKAF MANAGEMENT INSTITUTIONS IN MALAYSIA

Abstract

The majority of Muslims today view the dimension of waqf in a very limited angle to purely religious practices. This situation does not prevent an increase in waqf practices such as land wakaf, cash wakaf, wakaf hotels, wakaf shares, wakaf hospitals and wakaf universities. However, the economy of Muslims in Malaysia has not yet reached a level of pride. The issue of community trust in religious institutions such as waqf management institutions is still being debated. In this regard, the level of community understanding of the definition of waqf and its relationship with the belief in waqf management institutions need to be studied. The research methodology used is based on descriptive and regression quantitative methods. Questionnaires were distributed among the Malaysian community where a total of 500 data were obtained and analyzed. The results of the study found that the level of community understanding of the concept of waqf is at a high level with a mean value = 4.07 and standard deviation = 0.915. The study also found that there is a significant relationship between the community's understanding of the definition of wakaf with the belief in the organization of wakaf management. The findings from this study can be a reference for many parties in helping to further enhance the credibility, image and development of waqf institutions in the future.

Keywords: *Definition, Waqf, Belief*

Received: October 21, 2021

Accepted: December 27, 2021

Online Published: December 31, 2021

1. Pendahuluan

Wakaf secara ringkas boleh didefinisikan sebagai harta yang disumbangkan di jalan Allah untuk dimanfaatkan oleh orang ramai. Ia adalah suatu sistem muamalat Islam yang wajar dikaji dan dibangunkan sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang mampu menaik taraf ekonomi masyarakat dan negara. Wakaf juga merupakan salah satu daripada sumber kewangan dalam *Siyasah Maliyyah* iaitu polisi fiskal negara dalam Islam. Menurut catatan sejarah, wakaf yang pertama dalam Islam telah dilaksanakan sendiri oleh Nabi Muhammad SAW melalui pembinaan Masjid Quba' dan kemudian diikuti pula oleh pembinaan Masjid Nabawi di Madinah. Pembinaan dua masjid terawal dalam sejarah Islam melalui kaedah wakaf ini adalah sangat penting dalam pembangunan masyarakat dan telah terbukti keberkesannya sebagai pusat pentadbiran masyarakat dan negara.

Wakaf berasal daripada bahasa Arab iaitu Waqf yang membawa kepada beberapa makna mengikut tujuan penggunaan ayat itu sendiri. Al-waqf secara etimologi memberi makna,

menengah (al-man`u) dan menahan (al-habs). Jamak daripada waqf iaitu awqaf dan wuquf (Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram,1990).

Menurut (Al-Khatib al-Syarbini, 1997) ulama fiqah bersependapat mentakrifkan wakaf menurut istilah bahasa al-Habs bererti menahan kerana pengertiannya lebih hamper dengan pengertian syarak. Pengertian wakaf dalam bahasa Inggeris pula diterjemahkan dengan standing, unalienable property, stoping (Elias, 1987).

Wakaf Menurut Istilah Syarak pula ialah merupakan satu bentuk penyerahan harta sama ada secara nyata ataupun sendiri di mana harta tersebut akan ditahan daripada pemilik dan hanya akan digunakan untuk tujuan kebajikan sama ada dalam bentuk umum mahupun khusus. Dari segi istilah pula menahan harta seseorang untuk dimanfaatkan kepada orang lain. Harta yang diwakafkan haruslah berada dalam keadaan yang baik kerana tujuan utama melakukan wakaf adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah swt serta memberi kebajikan kepada manusia di dunia untuk dimanfaatkan. Pewakaf yang telah mewakafkan harta tersebut sudah tidak mempunyai hak ke atas harta wakaf tersebut malah harta wakaf juga tidak boleh dituntut sama sekali (Al-Khatib al-Syarbini, 1997).

Meskipun sumbangan wakaf tidaklah diwajibkan ke atas umat Islam, namun ia merupakan satu bentuk pengabdian kepada Allah yang digalakkan kerana penyumbangannya akan mendapat pahala yang berterusan walaupun sesudah meninggal dunia. Dari sudut yang berbeza, wakaf adalah suatu sistem kewangan yang menggalakkan umat Islam supaya menyumbang sebahagian daripada harta mereka untuk tujuan pembangunan masyarakat seperti pembinaan masjid, hospital dan klinik kesihatan, penginapan sementara, koperasi, perpustakaan dan sebagainya. Selain itu, wakaf juga berperanan sebagai penggerak ekonomi ummah melalui pembinaan sekolah, universiti, pusat latihan, dan sebagainya yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam untuk menguasai ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Ini terbukti berdasarkan pengalaman wakaf dalam membangunkan ekonomi ummah di negara Mesir, Turki, Arab Saudi dan Kuwait. Universiti al-Azhar, Mesir umpamanya yang ditubuhkan dan ditadbirkan oleh sebuah perbadanan wakaf negara itu dan mampu bertahan sekian lama serta berkembang sehingga ke hari ini (Mohd Saharudin bin Shakrani, Mohd Saifoul Zamzuri Noor, Jamal Ali, 2003). Begitu juga dengan Pesantren Modern Darussalam Gontor yang didirikan pada tahun 1958 di Indonesia, Kementerian Wakaf di Turki yang dibentuk pada tahun 1983 telah berjaya menguruskan 37.917 wakaf, yang terdiri dari 4.400 masjid, 500 asrama mahasiswa, 453 tempat bisnes, 150 hotel, 5.348 kedai, 2.254 perumahan, dan 24.809 aset lainnya (Maulana, Yasfin, 2018).

2. Latar Belakang

Majoriti masyarakat Islam pada hari ini melihat dimensi wakaf dalam sudut yang sangat terhad kepada amalan keagamaan semata-mata, sebagai contoh wakaf untuk membina masjid, pondok, pusat tahfiz dan tanah kubur (Mohd Saharudin bin Shakrani, Mohd Saifoul Zamzuri Noor, Jamal Ali, 2019). Tidak dinafikan bahawa kesanggupan pewakaf untuk berwakaf bagi tujuan tersebut di atas mempunyai signifikan yang tersendiri, namun ianya tidak dapat membina kekuatan untuk terus berdaya saing dan memberi impak yang lebih holistik kepada masyarakat Islam. Ini adalah kerana, bagi menguruskan institusi masjid, pondok, pusat tahfiz dan tanah kubur memerlukan dana yang berterusan bagi memastikan institusi tersebut dapat terus memainkan peranannya dalam masyarakat. Tanpa pembiayaan

atau dana yang mencukupi maka institusi-institusi tersebut tidak dapat berfungsi dengan baik dan lebih malang lagi jika ianya akan membazirkan aset wakaf yang ada.

Di Malaysia, pengurusan dan penyeliaan harta wakaf masih perlu ditambahbaik bagi mengoptimumkan impak dalam membangunkan ekonomi ummah. Malaysia sebenarnya memiliki rizab tanah wakaf yang amat besar. Pembangunan tanahtanah wakaf ini pastinya akan dapat menjana ekonomi umat Islam. Keluasan tanah wakaf di Malaysia ialah sebanyak 11, 091.82 hektar di mana sebanyak 4, 836.50 adalah tanah wakaf am dan tanah wakaf khas adalah sebanyak 6,225.32. (Mohamad Zaim, I., Muhammad Ikhlas, R., & Mohd Anuar, R., 2015) Amat rugi jika keluasan tanah wakaf ini diabaikan kerana ia berpotensi besar untuk meningkatkan taraf sosial dan ekonomi masyarakat, khususnya umat Islam di negara ini, di samping kaum-kaum lain. Walaupun tanah wakaf ini bertaburan dan tidak begitu ekonomik untuk dibangunkan, namun perancangan pembangunan tanah wakaf wajar diteruskan supaya mampu memberi manfaat yang optimum kepada masyarakat Islam (Mohd Saharudin bin Shakrani et.al, 2019). Jelasnya, masyarakat memandang bahawa sumbangan daripada wakaf ini mempunyai banyak manfaat dan mereka amat berharap perkara ini dapat diuruskan oleh organisasi pengurusan wakaf dengan sebaik yang mungkin. Justeru kajian ini dilakukan untuk mengetahui dan mengkaji hubungan tahap kefahaman masyarakat terhadap sumbangan wakaf dan kepercayaan mereka terhadap organisasi pengurusan wakaf. Dapatan kajian membolehkan pelbagai lapisan pemegang taruh untuk melihat perkara ini dengan lebih jelas.

3. Sorotan Kajian

3.1 Kefahaman Masyarakat Mengenai Wakaf

Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) mendefinisikan kefahaman sebagai keupayaan atau kemampuan memahami, faham tidaknya seseorang akan sesuatu yang dipelajari, dibaca dan sebagainya. Masyarakat pula didefinisikan sebagai kumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu. Terdapat 6,180 kajian tentang kefahaman masyarakat sejak dari tahun 2017 melalui carian di Google Scholar. Melalui carian yang sama juga sebanyak 528 kajian Kefahaman Masyarakat Mengenai Wakaf dan 189 kajian dengan ejaan berlainan bagi waqaf iaitu Kefahaman Masyarakat Mengenai Waqaf. Kajian berkaitan tahap kefahaman dan tahap penglibatan melalui sikap dan tingkah laku yang melibatkan masyarakat adalah amat penting sebagai kayu ukur untuk membuktikan sejauh mana kefahaman, kesediaan dan penglibatan masyarakat dalam menunaikan dan menerima sesuatu isu. Hasil dapatan daripada kajian ini akan menyokong objektif kedua dan ketiga kajian iaitu untuk meninjau pandangan pemegang taruh dalam pelaksanaan wakaf ekonomi dan isu-isu yang berkaitan dengannya dan mengetengahkan cara untuk mengaplikasikan wakaf ekonomi melalui kerangka perundangan sedia ada.

Baharuddin Sayin (2006) dalam kajian yang dilakukan ke atas warga UiTM di zon Tengah iaitu Selangor, Perak dan Negeri Sembilan mendapati bahawa tahap kefahaman responden masih lagi di tahap sederhana walaupun terdapat segelintir responden yang mempunyai pengalaman dalam berwakaf. Di antara soalan yang diketengahkan dalam penyelidikan ini ialah wakaf merupakan satu bentuk sedekah, sesiapa sahaja boleh mewakafkan hartanya, harta yang diwakafkan tidak boleh dijual beli. Penyelidik mencadangkan agar kefahaman mengenai wakaf harus diketengahkan di peringkat sekolah lagi bagi menggalakkan amalan berwakaf ini untuk terus berkembang di kalangan

masyarakat. Malangnya kadaan tidak banyak berubah. Pada tahun 2008, Azri mendapati kesedaran masyarakat terhadap ganjaran pahala yang diperolehi melalui amalan berwakaf masih di tahap yang rendah. Berdasarkan pengalaman Yayasan Wakaf Malaysia semasa menganjurkan Festival Pembangunan Ekonomi Islam di Mid Valley Exhibition Centra, Kuala Lumpur pada 22-26 January 2009, mereka juga berpendapat bahawa masyarakat Islam di Malaysia masih berada pada tahap yang lemah dalam pengetahuan yang berkaitan dengan konsep wakaf dan kurang mengambil tahu mengenai wakaf yang berpotensi dalam membangunkan tahap sosio-ekonomi ummah.

Pada tahun 2012, Afendi melalui kajiannya mendapati bahawa tahap kefahaman masyarakat terhadap institusi wakaf semakin meningkat apabila hasil kajian mendapati telah berada di tahap sederhana. Masyarakat pada ketika itu masih belum menyedari nilai sebenar institusi wakaf. Malah masih terdapat masyarakat yang keliru antara sedekah dan wakaf sedangkan ianya mempunyai maksud yang berbeza serta konsep yang tersendiri. Tambahan lagi masih ramai yang mempersoalkan mengenai kelayakan orang bukan Islam yang dapat menerima manfaat daripada wakaf. Hal ini menyebabkan skop wakaf masih tidak meluas sebagaimana yang sepatutnya.

Menurut Anan (2012) pula, Institusi wakaf di Malaysia sudah mula berkembang terutamanya dalam aspek ekonomi. Sebagai contoh pembinaan rangkaian hotel-hotel wakaf oleh pihak MAIN dan juga kerajaan. Namun disebabkan masih ramai yang kurang kefahaman mengenai perkara yang berkaitan dengan wakaf atau kurangnya ilmu pengetahuan berkaitan wakaf menyebabkan ada sesetengah masyarakat Islam yang mempersoalkan mengenai penggunaan dana wakaf untuk tujuan pembinaan rangkaian hotel di mana mereka beranggapan bahawa dengan adanya hotel dapat mengundang kepada gejala maksiat dengankan pembinaan hotel tersebut mengikut fardhu kifayah yang bertujuan untuk memenuhi keperluan umat Islam yang sedang bermusafir. Malah pihak pengurusan hotel juga diberi syarat untuk mengikut tuntutan Syariah.

Kajian daripada Farhana (2014) pula mendapati bahawa tahap kesedaran dan kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf adalah berbeza mengikut negeri disebabkan daripada pendekatan MAIN yang berbeza dalam menguruskan pembangunan harta wakaf. Oleh itu pihak main haruslah memainkan peranan dalam memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai kepentingan wakaf dan menyakinkan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf yang lebih tersusun dan profesional. Amalan berwakaf juga perlu dipromosikan kepada umum secara lebih mendalam bagi memberi kesedaran tentang potensi wakaf sebagai medium pemacu ekonomi (Asykin, 2013).

Kajian demi kajian dilakukan untuk mengetahui tahap kefahaman masyarakat terhadap wakaf. Norizah Mohamed pada tahun 2014 mendapati hasil yang sama tetapi menjurus kepada institusi wakaf. Masih lagi terdapat sebilangan kecil responden yang keliru di antara amalan berwakaf dengan sedekah. Mereka beranggapan wakaf dengan sedekah adalah satu perkara yang sama. Perkara asas yang mereka tahu berkaitan wakaf seperti tanah perkuburan Islam, dan masjid sebagai tanah wakaf. Pengetahuan berkaitan dengan wakaf masih berada di tahap rendah memandangkan ianya tidak dikembangkan ilmu pengetahuan berkaitan dengan wakaf pada masyarakat secara menyeluruh. Ini menyebabkan terdapat sebahagian responden yang tahu mengenai wakaf tetapi masih belum pernah berwakaf.

Kebanyakan kajian yang sebelum ini bersetuju mengatakan bahawa tahap kepercayaan masyarakat terhadap institusi wakaf masih tidak memuaskan. Sehubungan itu, dalam hal ini institusi wakaf seharusnya menunjukkan nilai-nilai yang positif terutamanya pihak yang diberi amanah dalam menguruskan harta pewakaf bagi menunjukkan nilai-nilai

dan potensi yang positif pada wakaf. Sehingga tahun 2017, keadaan masih tidak banyak berubah (Ahmad Fatin, 2017) namun terdapat segelintir masyarakat di Malaysia yang bersikap positif dalam melaksanakan ibadah wakaf dengan memberi kepercayaan sepenuhnya kepada institusi pengurusan wakaf di negara kita.

Kesimpulannya, beberapa kajian sebelum ini yang membuat penyelidikan berkenaan banyak mengkaji beberapa aspek kefahaman yang mana boleh dibahagikan kepada beberapa aspek seperti berikut iaitu definisi, konsep, sumbangan dan undang-undang berkaitan wakaf. Kefahaman serta kesedaran masyarakat ini secara langsung membawa kepada kepercayaan mereka kepada organisasi pengurusan wakaf. Kajian ini menumpukan sumbangan wakaf dan kepercayaan terhadap organisasi pengurusan yang dirumuskan perihal tersebut di dalam rangka konseptual seperti di bawah.

Rajah 1: Rangka Konseptual Kajian



Kamus Dewan Edisi Keempat (2010) memberi makna ‘sumbangan’ sebagai sesuatu yang diberikan sebagai bantuan kepada keramaian dan lain-lain atau bantuan atau pertolongan yang diberikan, sokongan. Kajian ini cuba menguji tahap kefahaman masyarakat terhadap sumbangan wakaf dengan kepercayaan terhadap organisasi pengurusan wakaf. Mayer, Davis dan Schoorman (1995) mendefinisikan kepercayaan dalam konsep kemampuan, kebaikan dan integriti. Manakala Lewicky dan Wiethoff (2000) mendefinisikan kepercayaan sebagai keyakinan individu dan kemahuan untuk bertindak atas dasar kata-kata, tindakan, dan keputusan orang lain. Hal-hal yang dapat menyebabkan seseorang mempercayai orang lain iaitu berkembangnya sistem kepercayaan melalui pengalaman hidup seseorang, aturan atau norma yang ada pada lembaga atau masyarakat dan adanya pengalaman saat menjalin hubungan. Singh dan Sirdeshmukh (2000) pula menekankan kepercayaan kepada institusi dalam beberapa aspek seperti mematuhi peraturan, boleh dibuat rujukan, menyediakan kemudahan dan selamat.

4. Kaedah Kajian

Penyelidikan ini dibuat menggunakan kaedah kuantitatif dengan analisis diskriptif dan regresi. Pendekatan kuantitatif mampu mengukur reaksi dan tindak balas responden terhadap soal selidik yang terhad dan dapat menganalisis masalah yang dikaji dengan ringkas dan tepat. Data kuantitatif adalah sistematik, mudah dianalisis, dan mudah untuk dikemukakan dalam masa yang singkat (Patton, 1990). Populasi dalam Kajian ini adalah melibatkan seluruh rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas bertujuan untuk melihat penerimaan seluruh masyarakat Malaysia terhadap amalan wakaf di Malaysia. Menurut statistik jumlah penduduk Malaysia yang berumur 15 tahun ke atas pada tahun 2020 adalah seramai 25 juta (Perangkaan Malaysia, 2020). Sasaran populasi dalam kajian ini melibatkan warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas dengan pebagai latar belakang

pendidikan bermula dari Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke atas. Mereka juga terdiri daripada kumpulan B40 hingga T20. Sebanyak 500 data telah dapat dikumpulkan.

Analisis regresi ringkas memerlukan sekurang-kurangnya 50 samples dan kebiasaanya 100 sampel bagi kajian (Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E, 2018). Krejcie dan Morgan (1970) pula sebagai rujukan yang telah dikenali bagi penentuan sampel saiz bagi kajian dalam sosial sains dan tingkahlaku manusia mencadangkan 384 sampel sebagai mencukupi bagi populasi 1,000,000 atau lebih. Roscoe's (1975) pula mencadangkan sample size lebih besar dari 30 dan kurang daripada 500 adalah sesuai bagi kajian tingkah laku. Kajian ini mengguna pakai sampel 500 data daripada responden. Kaji selidik dalam bentuk Google Form diedarkan melalui atas talian menggunakan Skala Likert Lima Points bermula dari Sangat tidak setuju, Tidak setuju, Tidak pasti, Setuju dan Sangat setuju . Instrumen kajian ini diadaptasi dari (Ahmad Fatim et al, 2017)

5. Analisis dan Dapatan

5.1 Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Sumbangan Wakaf

Analisis deskriptif tahap pemboleh ubah bebas iaitu kefahaman masyarakat terhadap sumbangan wakaf dikenal pasti melalui nilai min dan sisihan piawai berdasarkan taburan tafsiran nilai skor min. Tafsiran nilai skor min tahap pemboleh ubah ini ditentukan dengan mencari skor tertinggi dan terendah bagi skala selang yang digunakan. Tafsiran nilai skor min dapat diklasifikasikan kepada empat tahap iaitu rendah, sederhana rendah, sederhana tinggi dan tinggi (Norasmah & Salmah, 2011). Taburan nilai skor min dan tafsirannya adalah seperti dalam Jadual 5 berikut.

Jadual 5: Tafsiran Nilai Skor Min

Skor Min	Tafsiran
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Dapatan analisis deskriptif ini menggunakan analisis skor min dan sisihan piawai bagi mengenal pasti tahap sumbangan wakaf dalam kalangan responden yang terlibat. Hasil analisis tahap sumbangan wakaf seperti di Jadual 8 berikut. Jadual 8 menunjukkan tujuh item soalan sumbangan wakaf berada di tahap tinggi, manakala tiga item lain berada di tahap sederhana tinggi. Secara keseluruhannya tahap sumbangan wakaf dalam kalangan responden berada di tahap tinggi dengan nilai min = 4.03 dan sisihan piawai = 0.900.

Jadual 8: Tafsiran Tahap Sumbangan Wakaf

Item	Min	S.P	Tafsiran
Dana wakaf boleh digunakan untuk membina infrastruktur awam.	4.13	0.897	Tinggi
Dana wakaf boleh digunakan untuk membina kilang.	3.54	1.088	Sederhana Tinggi
Dana wakaf boleh digunakan untuk membekalkan air.	4.09	0.903	Tinggi
Hasil dari wakaf pertanian boleh digunakan bagi keperluan anak yatim.	4.19	0.810	Tinggi
Wakaf ekonomi boleh memberi peluang pekerjaan kepada umat Islam.	4.25	0.797	Tinggi
Wakaf ekonomi boleh memberi peluang pekerjaan kepada bukan Islam.	3.77	1.021	Sederhana Tinggi
Wakaf ekonomi boleh mengurangkan jumlah golongan asnaf fakir miskin.	4.23	0.793	Tinggi
Orang bukan Islam boleh mewakafkan harta milik mereka kepada umat Islam.	3.69	1.067	Sederhana Tinggi
Institusi pendidikan boleh menjadi penerima wakaf.	4.16	0.816	Tinggi
Wakaf kesihatan boleh menyelesaikan masalah umat Islam yang memerlukan rawatan.	4.23	0.814	Tinggi
Sumbangan Wakaf	4.03	0.900	Tinggi

5.2 Analisis Korelasi Hubungan Tahap Kefahaman Masyarakat Terhadap Sumbangan Wakaf Dengan Kepercayaan Terhadap Organisasi Pengurusan Wakaf

Pekali korelasi Pearson's (r) digunakan untuk menganalisis korelasi pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar bagi data yang bertaburan normal dengan julat nilai r di anantara -1 hingga 1 sahaja (Sekaran, 2000). Sekiranya memperolehi nilai 0 bermakan tidak terdapat hubungan antara dua pemboleh ubah yang terlibat. Tanda positif pada nilai r menunjukkan terdapat hubungan yang positif di antara dua pemboleh ubah yang terlibat dan

membawa maksud satu peningkatan dalam pemboleh ubah tersebut akan menyebabkan pemboleh ubah lain juga turut meningkat. Manakala nilai negatif pada nilai r menunjukkan terdapat hubungan yang negatif di antara dua pemboleh ubah yang terlibat dan membawa maksud satu peningkatan dalam pemboleh ubah tersebut akan menyebabkan pemboleh ubah lain menurun (Pallant, 2011). Jadual 11 menunjukkan peraturan praktikal kekuatan hubungan pekali korelasi r berdasarkan cadangan Hair, et al., (2006).

Jadual 11: Peraturan Praktikal Kekuatan Hubungan Pekali Korelasi

Julat	Kekuatan Hubungan
± 0.91 to ± 1.00	Sangat Kuat
± 0.71 to ± 0.90	Kuat
± 0.41 to ± 0.70	Sederhana
± 0.21 to ± 0.40	Lemah
± 0.01 to ± 0.20	Sangat Lemah

Dalam kajian ini, analisis pekali korelasi r digunakan untuk mengenal pasti dan menguji kekuatan hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. Nilai korelasi r untuk hubungan sumbangan wakaf dengan kepercayaan terhadap organisasi pengurusan wakaf adalah 0.553 (nilai- $p < 0.01$), yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan positif yang sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Hasil analisis ini dapat dijelaskan bahawa responden dengan sumbangan wakaf yang positif cenderung akan mempunyai kepercayaan yang positif terhadap organisasi pengurusan wakaf.

6.0 Kesimpulan

Dapatan kajian ini membri beberapa konklusi. Antaranya ialah, ini menunjukkan bahawa masyarakat juga telah bersedia untuk menerima inovasi dalam wakaf. Corak pemikiran mereka kini bukan lagi jumud dan berlapang dada dalam menerima apa-apa pembaharuan atau inovasi. Inovasi adalah faktor utama untuk kekal berdaya saing dan memaju pembangunan sosio ekonomi bagi banyak pihak daripada individu, kumpulan dan juga kerajaan. Kempen kesedaran dan seminar kepada segenap lapisan masyarakat sama ada kakitangan kerajaan atau orang awam perlu dipertingkatkan bagi memberikan kefahaman yang jelas kepada masyarakat tentang kepentingan wakaf serta pelbagai model yang telah diketengahkan oleh pelbagai pihak termasuk dari golongan korporat seperti perbankan Islam. Kekurangan atau tiada kefahaman masyarakat dalam perkara ini boleh menyebabkan hilang kepercayaan masyarakat terhadap mereka. Seterusnya wakaf tidak dapat berfungsi sebagaimana sepatutnya.

RUJUKAN

- Anan. (2012). *Pembangunan Tanah Wakaf : Cabaran dan Harapan*. Seminar Peletakhakan Tanah Wakaf.
- Afendi. (2012). *Peranan Institusi Keagamaan Dalam Membangun Ekonomi Ummah*:

- Universiti Teknologi Mara.
- Asykin. (2013). Potensi Wakaf Korporat kepada Pemilikan Ekuiti Muslim: Kajian di Wakaf An-Nur Corporation. Prosiding PERKEM VIII. Jilid 1(2013) 383-396.
- Azri. (2008). Pelaksanaan Skim Wakaf Tunai Oleh Yayasan Waqaf Malaysia. *Jurnal Pengurusan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji*. Vol.2 No.2(2008): 87-98.
- Ahmad Fatin. 2017. Tahap Kefahaman Mengenai Wakaf. International Islamic University College Selangor. Selangor: KUIS.
- Baharuddin Sayin., Asmak Hj. Ali., S. Salahudin Suyurno. (2006). Pengenalan Kepada Konsep Wakaf dalam Islam. Publisher: Shah Alam : Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi MARA
- Farhana. (2014). Community Awareness and Understanding of Waqf in Malaysia: Experience of the States Islamic Religious Council. Mukhtar Waqf IQLIMI 2014: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hair, J., Black, W., Babin, B., Anderson, R., Black, B., & Tatham, R. (2006). *Multivariate Data Analysis (6th edition)*. New York, NY: Pearson/Prentice Hall.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2018). *Multivariate Data Analysis* (8th ed.). United Kingdom: Cengage Learning.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970), "Determining sample size for research activities", *Educational and psychological measurement*, Vol. 30, pp. 607-610.
- Kamus dewan Edisi Keempat, (2010). Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, cet. 4., Mohd Saharudin Shokrani, Mohd Saifoul Zamzuri Noor dan Jamal Ali, (2003). Tinjauan Isu-Isu Yang Membataskan Penggunaan Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi Ummah Di Malaysia. *Jurnal Syariah*, Vol.11, No. 2, p. 73-98.
- Maulana, Yasfin, (2018). Model Pengeolaan Wakaf Produktif di Pondok Modern Radulssalam Gontor Ponorogo. Fakultas Agama Islam Universitas Muhammadiyah Malang.
- Mayer, R. C., Davis, J. H., & Schoorman, F. D. (1995). An Integrative Model of Organizational Trust. *The Academy of Management Review*, 20(3), 709–734
- Mohamad Zaim, I., Muhammad Ikhlas, R., & Mohd Anuar, R., (2015). Pemeraksanaan Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol. 9, pp. 1-13
- Norasmah, H. O., & Salmah, I. (2011). Kecenderungan terhadap Pemilihan Kerjaya Keusahawanan mengikut Persepsi Peserta Skim Usahawan Siswa. *Jurnal Teknologi*, 47-63.
- Norizah Mohamed, (2014). Wakaf Penjagaan Kesihatan: Kajian Kes di Hospital Wakaf An-Nur. *Healthcare Waqf: Case Study in Hospital Waqaf An-Nur*
- Lewicki, R.J. & Wiethoff, C. (2000). Trust, Trust Development, and Trust Repair. In. M. Deutsch & P.T. Coleman (Eds.), *The handbook of conflict resolution: Theory and practice* (p. 86-107). San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Pallant, J. (2011). *SPSS Survival Manual: A step by step guide to data analysis using the SPSS program* (4th ed.). Allen & Unwin, Berkshire.
- Patton, M. Q. (1990). "Designing qualitative studies" dalam *Qualitative Evaluation and Research Methods* (2nd edition), pp 145-199. Newbury Park, CA: SAGE.
- Roscoe, J. T. (1975). *Fundamental research statistics for the behavioral sciences* (Second ed.). New York: Holt Rinehart and Winston.
- Sekaran, U. (2000). *Research Method for Business* (3rd Ed. ed.). Singapore: John Wiley & Sons Inc.

Singh, J. and Sirdeshmukh, D. (2000) Agency and Trust Mechanisms in Consumer Satisfaction and Loyalty Judgments. *Journal of the Academy of Marketing Science*, 28, 150-167